

Putera UMNO sedia kongsi kejayaan

KUALALUMPUR 14 Julai - Putera UMNO sedia menyumbang khidmat kepada mana-mana parti komponen Barisan Nasional (BN) yang ingin menubuhkan sebuah gerakan yang mampu menarik minat golongan muda menyertainya.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kecemerlangan Putera UMNO walaupun baru ditubuhkan, seharusnya menjadi contoh kepada semua pihak.

"Kejayaan Putera UMNO seharusnya dijadikan contoh dalam usaha menarik lebih ramai golongan muda menyertai aktiviti BN," katanya di sini, malam ini.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempe-

na majlis makan malam amal anjuran Parti Progresif Penduduk (PPP).

Antara yang hadir adalah Ketua Pemuda PPP, T. Murugiah; Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai; Ketua Pemuda MIC, S.A. Vigneswaran dan Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong.

Sementara itu Murugiah dalam ucapannya memberitahu, PPP akan membuka pusat perkhidmatan di seluruh negara tidak lama lagi dalam usaha meringankan beban kerajaan mengatasi masalah sosial.

Jelasnya, pusat itu nanti akan menawarkan khidmat seperti kaunseling, nasihat undang-undang dan motivasi.